

SHARIAH DIPATUHI KEHARMONIAN DINIKMATI¹

Prof Madya Dr Azman Mohd Noor,

Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Drazman.net

Pendahuluan

Islam adalah agama samawi yang bersifat rabbani, universal dan komprehensif. Sebarang suruhan dan larangan adalah untuk kebaikan manusia di dunia dan akhirat. Maqasid dan matlamat Shariah untuk menjaga agama, nyawa, aqal, harta, nama baik dan zuriat hanya dapat direalisasikan apabila segala suruhan dan larangan Islam diikuti dan dilaksanakan. Hukuman bagi pesalah yang melakukan larangan Allah seperti membunuh, mencuri, merompak, berzina, minum arak adalah bertujuan untuk menghukum, memberi keadilan kepada mangsa dan keluarganya, menbanteras jenayah, mendidik masyarakat dan seterusnya menjamin keadilan, kesejahteraan dan keharmonian negara.

Kertas kerja ringkas ini cuba untuk mengkaji beberapa kesalahan jenayah menurut undang undang konvensional dan undang undang jenayah Islam serta pelaksanaannya. Amatlah sesuai dikaji kekurangan yang ada di samping mencadangkan beberapa aspek penambahbaikan dan pilihan alternatif untuk memastikan pematuhan kepada Shariah dalam membasmi jenayah.

Matlamat Undang Undang Jenayah

Masyarakat manusia menyedari kepentingan keamanan, kesejahteraan dan keselamatan terutamanya yang melibatkan nyawa, tubuh badan, kesihatan termasuk kesihatan dan kekuatan intelek, harta, keturunan, marwah dan kebebasan beragama. Undang undang jenayah yang diperuntukkan oleh mana mana negara yang bertamadun tidak lari daripada maqasid dan tujuan Shariah berkenaan dengan penghukuman. Cuma yang berbeza ialah bentuk, jenis dan cara pelaksanaan hukuman.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan di Majlis Pelancaran Promosi Kanun Jenayah Shariah (II) (1993) 2015, dan Himpunan Belia Kelantan Sempena Majlis Sambutan Hududullah, Tarikh 8 Muharram 1437H/21 Oktober 2015 (Rabu), Masa 9.45pagi – 11.00petang, Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Baru Kelantan

PEMERHATIAN KEPADA BEBERAPA KESALAHAN JENAYAH DAN PERUNTUKAN KESALAHAN JENAYAH DI MALAYSIA

Di Malaysia, di antara pemerhatian yang dibuat dan selalu menjadi pertikaian adalah seperti kesalahan rogol, kesalah membunuh, mencuri dan hukuman sebat.

Kesalahan Rogol

Peruntukan hukuman rogol sebagaimana yang disebut di dalam seksyen 376 Kanun Keseksaan ialah penjara tidak kurang daripada 5 tahun dan tidak lebih dari 20 tahun dan sebatan.

Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013 telah dibentangkan di parlimen oleh Datuk Zahid Hamidi. Ia memperuntukkan hukuman yang lebih berat terhadap mereka yang melakukan jenayah seksual, jenayah terancang serta mencederakan pasangan masing-masing.

Bagi kesalahan jenayah seksual, rang undang-undang itu memperuntukkan penjara sehingga 30 tahun berbanding 20 tahun ketika ini selain menaikkan hukuman minimum daripada lima tahun kepada 10 tahun.

Pindaan itu untuk memasukkan seksyen baharu 375B ke dalam Akta 574 (Kanun Keseksaan) yang memperuntukkan bagi kesalahan baharu rogol secara berkumpulan yang membawa hukuman penjara tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun.²

Berdasarkan kes-kes rogol yang dilaporkan di dalam media sebelum in, pemerhatian umum mendapati mangsa rogol dan keluarga menanggung malu, tetapi tidak mendapat sebarang

² <http://www.sinarharian.com.my/semasa/kesalahan-rogol-akan-dipenjara-hingga-30-tahun-1.205650> accessed 140414.

bayaran ganti rugi. Menurut perspektif Syariah, mangsa rogol dilindungi, tidak boleh diaibkan, dikecualikan daripada hukuman zina dan boleh diberikan bayaran gantirugi.³

Kesalahan Mencuri

Hukuman bagi kesalahan mencuri sebagaimana yang diperuntukkan oleh syeksyen 379 Kanun Keseksaan ialah penjara tidak lebih dari tujuh tahun, denda atau kedua dua sekali. Bagi kesalahan yang berulang ialah penjara, akan dikenakan hukuman penjara atau denda atau sebatan. Tidak disebutpun bahawa penjenayah perlu membayar bayaran ganti rugi ke atas kehilangan barangan yang dicuri, kerosakan atau kerugian disebabkan kecurian.

Persoalannya, adakah hukuman sedemikian boleh membasmi jenayah mencuri yang semakin menular?

Pelaksanaan hukuman hudud iaitu memotong tangan pencuri yang disabitkan kesalahan mencuri akan memberi peringatan kepada penjenayah dan masyarakat. Pada masa yang sama menjimatkan kos makan minum dan tanggungan dalam penjara berdasarkan amalan undang undang yang ada.

Menurut beberapa kaji selidik dan temuramah yang dibuat sendiri oleh penulis dengan pihak polis, mereka menganggap hukuman yang ada dikenakan bagi kesalah mencuri sekarang sebagai agak ringan. Dengan itu banyak kes pecah rumah dan kecurian adalah kes jenayah berulang yang dilakukan oleh pencuri yang sama walau di lokasi yang berlainan setelah mereka keluar dari penjara.

Kesalahan Membunuh

Kesalahan membunuh diperuntukkan di dalam seksyen 302. Bagi kesalahan bunuh tidak sengaja diperuntukkan di bawah seksyen 304 dengan hukuman penjara tidak melebihi 20

³ Sila lihat Azman Mohd Noor, "Rape: A Problem of Crime Classification in Islamic Law", Arab Law Quarterly, pg 417-438, volume 24 Part 4 2010.

____ "A Victim's Claim of Being Raped is Neither a Confession to Zina nor Committing Qadhf (Making False Accusation of zina)" in Muslim World Journal of Human Rights. Berkeley Electronic Press. 2011.

____ "The rights of Rape Victim in Islamic Law", IIUM Law Journal, International Islamic University Malaysia. vol.16, No.1, 2008.

____ "Prosecution of Rape with a Special Reference to Pakistan Hudood Laws." IIUM Law Journal, International Islamic University Malaysia. vol.16, No.2, 2008.

____ "Punishment for Rape in Islamic Law", Malayan Law Journal, Lexis Nexis, Sept-Oct 2009.

tahun atau denda bagi jika ada unsur niat menyebabkan kematian atau kecederaan, atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau denda atau kedua dua sekali sekiranya tidak ada niat menyebabkan kematian.

Menurut perundangan Islam, hukum qisas menetapkan peruntukan pampasan diyyah diberikan kepada keluarga mangsa. Dalam kes bunuh, keluarga mangsa juga berhak memaafkan dan menuntut pampasan gantirugi (diyyah).

Kesalahan Menyebabkan Kecederaan Dengan Sengaja

Penjenayah yang bersalah sebagaimana yang disebut di dalam seksyen 323 Kanun Keseksaan dikenakan hukuman penjara sehingga setahun atau denda RM2000 atau kedua dua sekali. Tidak disebut sedikit pun tentang diyyah atau gantirugi.

Menurut perundangan Islam, hukum qisas jelas sekali memperuntukkan hak mangsa jenayah. Mangsa boleh memilih supaya kecederaan yang sama dilakukan ke atas penjenayah atau dibayar pampasan.

Hukuman qisas iaitu balasan hukuman yang sama dikenakan ke atas penjenayah sebagaimana dia menganiayai mangsanya. Ia amat menakutkan penjenayah dan orang ramai daripada melakukan kesalahan yang sama. Apabila si A mencederakan si B atau memotong tangannya, maka hukuman yang sama dikenakan, itulah keadilan. Ia akan memadamkan kemarahan dan dendam si B, ia juga akan mendidik dan menghukum si A serta memberi pengajaran kepada anggota masyarakat.

HUKUMAN MATI

Hukuman mati di Malaysia dikenakan kepada penjenayah yang terlibat dalam jenayah berat seperti pembunuhan, pengedaran dadah, pengkhianatan dan melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong. Baru-baru ini, undang-undang telah diperluaskan kepada tindakan keganasan. Mana-mana pegganas, dan sesiapa yang membantu pegganas adalah berdepan dengan hukuman mati.

Hanya Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk seseorang itu dihukum mati. Rayuan kepada Mahkamah dan Mahkamah Persekutuan adalah automatik.

Berikut adalah senarai kesalahan jenayah yang membawa hukuman mati:

- Melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong - *Seksyen 121 Kanun Keseksaan*
- Kesalahan terhadap Yang di Pertuan Agong - *Seksyen 121A Kanun Keseksaan*
- Bersubahat bagi (Angkatan Bersenjata) - *Seksyen 132 Kanun Keseksaan*
- Pembunuhan - *Seksyen 302 Kanun Keseksaan*
- Menyubahati membunuh diri - *Seksyen 305 Kanun Keseksaan*
- Menculik atau melarikan untuk membunuh - *Seksyen 364 Kanun Keseksaan*
- Tebusan - *Seksyen 374A Kanun Keseksaan*
- Rompakan berkumupulan - *Seksyen 396 Kanun Keseksaan*
- Pengedaran dan penyeludupan dadah - *Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952*
- Pemilikan senjata api - *Seksyen 57 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960*

Daripada segi peruntukan, boleh dikatakan hampir kesemua kesalahan yang melibatkan hukuman mati di Malaysia boleh didapati di dalam kesalahan hudud, qisas atau ta'zir. Di dalam kesalahan hudud, hukuman mati dikenakan ke atas kesalahan memberontak (*al-baghy-bughot*) dan merompak dengan senjata (*hirabah*). Kedua-dua kesalahan ini melibatkan hukuman mati sebagaimana yang tercatat di dalam Kanun Keseksaan. Kesalahan menculik dan mengambil tebusan adalah hampir sama dengan (*hirabah*). Perbezaannya ialah hukuman mati di bawah kesalahan hudud mengambil kira kesalahan murtad dan zina *muhsan*.⁴

⁴Azman Mohd Noor, Hukuman Mati Mandatori: Satu Analisis menurut Pengalaman undang-undang Malaysia dan Syariah” Malaysian Journal of Law and Society, University Kebangsaan Malaysia, vol.12, 2008. ____ “Interpreting and Understanding the Command of God: A Review on the Authority of Sunnah in the case of Stoning to Death for a Convicted Adulterer.” Journal of Shariah, University Malaya, Special Edition 2008-3. ____ “Stoning for Adultery in Christianity and Islam and its implementation in contemporary Muslim societies.” Intellectual Discourse, International Islamic University Malaysia, 2010.

Peruntukan hukuman mati bagi kesalahan membunuh di dalam Kanun Keseksaan Malaysia adalah sama dengan peruntukan hukuman qisas. Perbezaannya ialah dari segi pelaksanaan hukuman. Hukuman qisas memberi peluang kepada keluarga mangsa samada memilih ganti rugi (diat) atau hukuman yang setimpal ke atas penjenayah.

Hukuman mati bagi kesalahan memiliki senjata api dan kesalahan mengedar dadah pula boleh dikaitkan dengan kesalahan ta^czir atau *had hirabah*.

PELAKSANAAN HUKUMAN MATI MENURUT SHARIAH

Berdasarkan kepada undang-undang jenayah Islam, terdapat beberapa cara pelaksanaan hukuman mati ke atas pesalah yang telah disabitkan kesalahannya. Boleh dikatakan hukuman mati yang dikenakan adalah penyesuaian ke atas kesalahan yang dilakukan.

Di bawah hukuman qisas, pelaksanaan hukuman mati adalah sama dengan cara jenayah dilakukan. Sekiranya penjenayah membunuh dengan menikam mangsa di perut maka hukuman juga mestilah sedemikian rupa. Apabila jenayah dilakukan dengan menggunakan senjata api hukuman juga boleh dikenakan sedemikian rupa.⁵

Ulama berselisih pendapat sama ada mesti dikenakan pancung dengan pedang bagi hukuman qisas apabila penjenayah membunuh mangsanya dengan cara lain seperti meracun, mencekik, membakar dan lain-lain lagi.

Imam Abu Hanifah dan satu riwayat daripada Ahmad berpendapat bahawa hukuman mati mestilah dengan menggunakan pedang samada pembunuhan berlaku dengan pedang atau benda lain. Pendapat Juhum yang terdiri daripada Malikiyyah, Syafi'iyah dan Zahiriyyah pula membolehkan hukuman mati dijalankan dengan cara lain sebagaimana pembunuhan dilakukan. Walau bagaimanapun sekiranya pembunuhan berlaku dengan cara yang haram

⁵ Haji Said, *Kanun Jenayah Syar'iyah*, hlm. 204.

seperti liwat, sihir, racun atau bakar hidup-hidup, maka pelaksanaan dengan pancung diutamakan.⁶

Syeikh Mahmud Shaltut dalam menghuraikan permasalahan ini berpendapat bahawa Rasulullah telah memerintahkan cara pelaksanaan hukuman mati iaitu seperti penyembelihan binatang yang dilakukan dengan cepat, mudah dan cekap. Dengan itu, pelaksanaan qisas boleh dijalankan dengan apa juga cara yang mudah dan kurang menyakitkan.⁷

Di dalam hukuman hudud pula, pelaksanaan hukuman mati ke atas penjenayah yang melakukan *hirabah* atau rompakan bersenjata dan membunuh dalam rompakan tersebut maka dia mestilah dibunuh dan disalib. Hukuman mati bagi kesalahan zina yang dilakukan oleh mereka yang *muhsan* ialah rejam sampai mati. Manakala pemberontak pula hukuman mati ke atasnya ialah dengan diperangi.

Cara pelaksanaan hukuman mati bagi kesalahan ta'zir pula bergantung kepada hakim atau pemerintah. Pelaksanaan hukumannya boleh dilakukan dengan pelbagai cara sebagaimana yang ditetapkan oleh pemerintah. Yang pentingnya pelaksanaan tersebut mestilah mempunyai batasan yang sepadan dengan hukuman mati tidak lebih daripada itu.

Pelaksanaan hukuman yang melampau seperti mencincang, membakar atau apa-apa bentuk penyiksaan yang menyebabkan orang yang dihukum menderita dan mengambil masa yang agak lama untuk mati adalah dilarang. Ini bersesuaian dengan firman Allah dalam surah Isra' ayat 33:

(ولا تقتلوا النفس التي حرم الله إلا بالحق، ومن قتل مظلوما فقد جعلنا لوليه سلطانا فلا يسرف في القتل إنه كان منصورا)

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar (qisas). Dan sesiapa yang dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya kami telah menjadikan walinya (keluarga mangsa) berkuasa menuntut balas. Tetapi

⁶ al-Ghamidi, *Uqubat al-F'dam*, hlm. 263-264.

⁷ Dr. Muhammad Salem El-Awa, *Punishment in Islamic Law*, Indianapolis, American Trust Publication, 1982, hlm.72.

janganlah ahli waris itu melampau batas dalam membunuh. Sesungguhnya ia mendapat pertolongan sepenuhnya (menurut hukum Syarak).”⁸

Kewajipan menegakkan undang-undang dan menentukan cara pelaksanaan hukuman mati dibebankan kepada *Uli al-Amri* iaitu pihak berkuasa selaku wakil daripada masyarakat sama ada bagi kesalahan qisas, hudud ataupun ta’zir. Pada masa yang sama, pemerintah mestilah mendasarkan bentuk atau cara penghukuman itu kepada tuntutan Syara’. Ia bertujuan untuk menyelaraskan undang-undang dan mengelakkan pertelingkahan dan pertikaian dalam penghukuman.

Di antara ciri utama yang membezakan pelaksanaan hukuman mati dalam Islam dan hukuman modern ialah pelaksanaan hukuman mati dalam Islam dilakukan secara terang-terangan di hadapan khalayak.⁹

Hukuman mati ke atas pesalah dadah yang berasaskan hukuman ta’zir ditentukan oleh pemerintah. Begitu juga dengan cara pelaksanaannya. Cara yang paling terkenal sejak dahulu lagi ialah hukuman pancung. Syeikh Islam Ibn Taimiyyah berpendapat bahawa cara inilah yang patut digunakan kerana ia adalah ringkas dan mudah dilakukan tanpa menyiksa¹⁰.

Cara ini masih lagi digunakan di Arab Saudi. Ia mestilah dilakukan di depan khalayak ramai. Berdasarkan pengalaman penulis di Arab Saudi, pelaksanaan hukuman mati ke atas pengedar dadah yang didapati bersalah dilakukan pada hari Jumaat selepas sembahyang Jumaat di mana semua ahli jemaah dapat menyaksikannya. Pesalah diisytiharkan namanya dan kesalahan yang dilakukan diiringi dengan bacaan Ayat 33 surah al-Maidah:

(إنما جزاء الذين يحاربون الله ورسوله ويسعون في الأرض فسادا
أن يقتلوا أو يصلبوا أو تقطع أيديهم وأرجلهم من خلاف أو ينفوا من الأرض..)

⁸ Al-Quran dan Terjemahnya, hlm. 429.

⁹ Abdul-Qadir ‘Audah, *al-Tasyri’ al-Jina’i*, jilid 1, hlm. 764.

¹⁰ Ibn Taimiyyah, *Majmu’ Fatawa*, jil. 28, hlm.313.

Maksudnya:

“Sesungguhnya balasan bagi mereka yang melakukan hirabah (rompakan) dan kerosakan (kefasadan) di atas muka bumi ialah hukuman bunuh, palang sampai mati, potong tangan dan kaki secara bersilang ataupun buang negeri.”

Pada penghujung bacaan ayat tersebut pemancung menjongket belakang pesalah yang duduk membongkokkan belakangnyaseparuh sujud sehingga dia terkejut dan mengangkat sedikit kepalanya. Pada masa itulah dengan pantas dia memancung kepala pesalah sehingga terpenggal daripada badannya. Seorang doktor bersama kakitangan hospital yang sudah sedia menunggu memastikan kematian dan mayatnya dibawa ke hospital untuk diuruskan.

Cara ini bukanlah muktamad. Tetapi, ia meninggalkan kesan yang sangat mendalam kepada masyarakat. Para ulama berselisih pendapat dalam menentukan cara pelaksanaan hukuman mati sama ada mesti menggunakan pedang ataupun boleh juga dilakukan dengan cara lain.

Pendapat yang kuat ialah dengan menggunakan pedang iaitu hukuman pancung. Walaupun begitu kebanyakan ulama membolehkan penggunaan alat lain untuk melaksanakan hukuman mati dengan syarat ia dapat merealisasikan matlamat menghabiskan nyawa yang dihukum dengan cepat dan tidak melampau supaya dia tidak lama tersiksa.¹¹

HUKUMAN GANTUNG

Apabila bercakap tentang hukuman mati dalam Islam terbayanglah dalam kepala kita pemancung kepala dengan pedang yang terhunus yang bersedia untuk memenggal kepala penjenayah. Adakah Islam menghadkan hukuman mati dengan pedang sahaja? Satu persoalan yang mengelirukan banyak pihak.

Hukuman pancung dengan pedang adalah cara yang paling biasa digunakan. Tidak ada dalil khusus yang menyebut bahawa satu-satunya cara hukuman mati dilaksanakan mestilah

¹¹ Al-Ghamidi, *Uqubat al-I 'dam*, hlm. 318.

dengan pedang. Dengan itu tidak ada halangan untuk menggunakan cara lain yang boleh menyebabkan kematian asalkan ia lebih pantas daripada pedang dan tidak menyiksakan.¹²

Adakah hukuman gantung menyebabkan kematian dengan cepat? Pendapat pakar memberitahu biasanya ia memakan masa beberapa saat sahaja untuk menghabiskan nyawa yang dihukum.

Sebenarnya tidak semestinya pedang yang digunakan. Sebab itulah para ulama tidak banyak berbincang berkenaan dengan cara pelaksanaan apabila disabitkan kesalahan. Menurut Sheikh Muhammad Abu Zahrah,¹³ hukuman mati menggunakan pedang bukanlah sesuatu yang *ta'abud* (iaitu tuntutan agama yang tiada pilihan lain). Bahkan sekiranya ada cara lain yang lebih mudah, maka ia lebih *aula* digunakan berdasarkan hadith:

(إذا قتلتم فأحسنوا القتلة)

“Apabila kamu membunuh (yang dibenarkan), maka lakukanlah dengan cara yang terbaik”.

Syeikh Abbud Al-Shal‘aji¹⁴ menyebut di dalam kitabnya bahawa hukuman gantung sudah lama dikenali oleh umat Islam. Bentuk hukuman mencerut leher yang dihukum dengan tali dan menggantungkannya sampai mati sudah diamalkan pada awal zaman pemerintahan Kerajaan Umawiyyah. Menurutnya cara hukuman mati sebegini dikenali oleh orang-orang Baghdad sebagai hukuman salib kerana mangsa digantung pada kayu.

Ini Jelas menunjukkan bahawa hukuman gantung dengan matlamat untuk menyerahkan kembali roh pesalah kepada Allah (mematikan) berlaku dengan pantas sekali yang hampir sama dengan hukuman pancung. Hukuman pancung hanyalah satu cara atau *wasilah* untuk melaksanakan hukuman mati. Ia bukanlah muktamad dan tidak pula menafikan cara pelaksanaan yang lain. Tambahan pula, ia adalah hukuman takzir bukannya hudud atau qisas. Cuma yang menjadi masalah ialah upacara menjalankan hukuman diadakan di tempat rahsia. Sepatutnya hukuman gantung itu dilakukan di tempat terbuka di depan khalayak supaya konsep pencegahan dan pengajaran kepada orang ramai dapat dipupuk.

Di Malaysia hukuman mati secara menggantung pesalah dengan tali di lehernya sampai mati lazimnya dilakukan di Penjara Pudu atau Taiping adalah secara yang amat sulit dan rahsia.

¹² Ibid., hlm. 318.

¹³ Imam Muhammad Abu Zahrah, *Al-Uqubah*, Dar al-Fikr Al-Arabi, ms.387.

¹⁴ Abbud al-Shal‘aji, *Mausu‘at al-‘Azab*. Dar al-Arabiyyah li al-Mausuat. Beirut Lubnan, t.th., jilid 6 hlm. 53.

Ini adalah berdasarkan arahan kerajaan supaya tidak dihebohkan pelaksanaan hukuman gantung di dalam akhbar atau radio atau teliviesyen.

Arahan tersebut adalah mungkin tidak bertepatan dengan dasar pencegahan (*deterrence*) yang menjadi matlamat utama dalam penghukuman. Pencegahan bukan sahaja dapat mencegah orang yang melakukan jenayah daripada mengulangnya tetapi juga bertujuan mencegah orang lain daripada berbuat demikian.¹⁵

Pelaksanaan hukuman mati dan hukuman yang lain sepatutnya dilakukan di depan khalayak sebagaimana firman Allah.

(وليشهد عذابهما طائفة من المؤمنين)سورة النور آية 2.

Dalam kes hukuman mati bagi kesalahan membunuh, perlu ada wakil¹⁶ daripada keluarga mangsa yang menyaksikan hukuman dilaksanakan supaya mereka berpuas hati dengan dengan balasan yang dikenakan di samping membersihkan dendam dan kemarahan

Persoalan Hak Asasi Manusia

Pelaksanaan hukuman mati bagi semua kes jenayah berat ditentang kuat oleh golongan *humanist*. Apabila kerajaan Malaysia menjatuhkan hukuman mati ke atas beberapa warga asing yang didapati bersalah mengedar dan membawa masuk najis dadah ke negara ini suara-suara lantang yang menentang hukuman mati di Malaysia.

Yang menarik di sini ialah, kerajaan boleh mempertahankan peruntukan hukuman mati secara umumnya, termasuklah hukuman mati ke atas pengedar dadah dan hukuman sebat.

Ada baiknya peruntukan peruntukan hukuman bagi kesalahan kesalahan hudud yang tegas juga dipertahankan demi memartabatkan Shariah dan kebaikan umat manusia.

¹⁵ Prof. Madya Hashim Mehat, *Seminar Undang-Undang dan Masyarakat, Undang-Undang Jenayah Satu Penilaian Dalam Hukuman Utama*, hlm.27.

¹⁶ Muhammad Abu Zahrah, *Al-Uqubah*, ms.387.

HUKUMAN SEBAT MENURUT UNDANG-UNDANG JENAYAH MALAYSIA DAN MENURUT HUKUM SYARAK¹⁷

Hukuman sebat yang dijalankan di Malaysia dipertikain oleh masyarakat antarabangsa kerana ia dianggap kejam dan tidak berperikemanusiaan.¹⁸

Hukuman Sebat Sebagai Salah Satu Seksaan

Menurut Mimi Kamariah Abdul Majid hukuman sebat adalah sejenis hukuman fizikal yang akan dikenakan ke atas seseorang yang melakukan jenayah-jenayah yang besar bahaya dan kemudaratanya kepada masyarakat kepada atau Negara. Dalam masalah ini, hakimlah yang akan membuat pertimbangan apakah iany dikategorikan sebagai berat atau ringan dan seumpamanya berdasarkan tahap keseriusan jenayah yang dilakukannya. Umumnya, apabila sesuatu kesalahan itu boleh dikenakan sebat ia termasuk sebagai kesalahan berat seperti kesalahan rogol dan dadah.

Begitu juga apabila sesuatu jenayah itu berleluasa dalam masyarakat, hukuman sebat adalah salah satu bentuk hukuman yang lazimnya dikenakan oleh para hakim. Tujuannya ialah supaya dapat memberi pengajaran kepada masyarakat sekaligus dapat membendung jenayah tersebut daripada berleluasa lagi seperti kes rompakan, memiliki senjata api dan amunisi.

Alat Sebatan

Majistret yang menjatuhkan hukuman sebat ke atas seseorang pesalah mestilah terlebih dahulu menyatakan dengan jelas alat yang akan digunakan bagi tujuan tersebut serta bilangan yang dijatuhkan. Bilangan sebatan pula hendaklah tertakluk kepada seksyen 388 [5] akta ini.¹⁹

¹⁷ Kebanyakan maklumat yang dikongsikan didalam kertas kerja ini yang berkenaan dengan sebat diambil daripada Yaacob, Mazlah (2004) *Hukuman sebat : kajian dari perspektif hukum Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia* Mazlah Yaacob. Masters thesis, University of Malaya.

¹⁸ <http://www.sinarharian.com.my/nasional/malaysia-kaji-mansuh-hukuman-sebat-pati-1.48911>. Lihat juga <http://www.rnw.nl/international-justice/article/amnesty-condemns-caning-epidemic-malaysia>. Dilawati pada 160414.

¹⁹ Seksyen 288 [1] 593

Rotan yang akan digunakan untuk menyebat pula tidak boleh melebihi diameter ½ inci.²⁰ Panjangnya pula tidak ditetapkan. Lazimnya ia mengikut kesesuaian pegawai sebat rotan yang bertugas, tetapi lazimnya panjang rotan ialah satu depa. Di bawah seksyen 131 [5][a] Peraturan-Peraturan Penjara 2000 ada dijelaskan bahawa saiz rotan untuk pesalah dewasa hendaklah tidak melebihi 1.25 sm garis pusatnya.

Alat sebatan adalah berbeza bagi kes-kes mereka yang tertuduh dibawah seksyen 403,404,406,407,408,409 atau 420 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan yang berkaitan dengan penyalahgunaan harta, pecah amanah dan menipu.

Sasaran Sebatan

Semua pukulan sebat adalah mengikut arahan menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan keamanan dan ketenteraman awam dari semasa ke semasa (Menteri Keselamatan dalam Negeri).²¹ Walau bagaimanapun bahagian anggota badan pesalahlah yang menjadi sasaran sebatan. Kanun ini juga tidak mensyaratkan sebatan itu mengenai keseluruhan badan orang yang dijatuhkan hukuman tadi. Di bawah peraturan penjara yang wujud sekarang, sebat hanya dikenakan ke atas punggung sahaja amalan melarang menyebat pada bahagian selain daripada punggungnya. Seorang pesalah yang akan disebat akan diikat pada satu palang dalam keadaan berdiri serta tidak memakai pakaian kecuali sejenis cawat khas yang menutupi kemaluan pesalah sahaja. Saterusnya satu alat atau kain getah yang dilubangkan berbentuk segi empat ditengahnya akan diikat pada punggung pesalah. Kawasan yng dilubangkan itulah yang akan menjadi sasaran sebat pegawai sebat rotan. Terpulang kepada pegawai tersebut samada hendak memfokuskan di satu tempat atau tempat-tempat yang berlainan dalam kawansan yang dibenrkan itu. Sebatan yang dikenakan akan membentuk tiga garisan pada punggung pesalah. Sebatan pertama akan membentuk satu kesan garisan. Garisan kedua akan membentuk garisan yang kedua selang beberapa inci daripada garisan pertama. Ia diikuti oleh garisan ke tiga yang terbentuk melalui sebatan ketiga. Sekiranya seseorang banduan dijatuhi lebih daripada tiga sebatan, maka sebatan keempat akan jatuh pada garisan pertama begitulah yang kelima dan seterusnya.

²⁰ Seksyen 288 [2] ibid

²¹ S289 Akta 593

Kekuatan Sebatan

Di Malaysia, tidak terdapat satu ketentuan sejauh mana seseorang itu boleh menggunakan kekuatannya semasa menjalankan hukuman sebat ke atas banduan sebat rotan. Namun, pegawai-pegawai sebat rotan telah dilatih serta diajar cara-cara pukulan yang dihendaki oleh pihak penjara serta tidak bercanggah dengan arahan-arahan dalam surat pekeliling. Kesannya kajian mendapati kesan sebatan pada punggung banduan hamper sama semuanya. Tidak dinyatakan tahap kekuatan yang boleh digunakan tetapi mereka tertakluk kepada syarat hayunan dalam pekeliling penjara iaitu satu hayunan tidak boleh melebihi 190 darjah. Ini bererti had maksimum tangan diangkat ialah melebihi sedikit daripada aras kepala. Hayunan setinggi itu akan dilepaskan ke sasarannya iaitu punggung. Selepas rotan dilepaskan, rotan tersebut akan ditarik semula dan bukannya diangkat. Melalui cara ini sekali lagi banduan akan merasai keperitannya kerana rotan ditarik di atas bekas sebatan yang kemungkinan besarnya telah mengalami luka-luka. Biasanya selepas tiga pukulan tempat yang disebat akan luka dan berdarah. Kawasan kelilingnya akan menjadi biru, lebam dan bengkak.

Pelaksanaan Hukuman Sebat

Pelaksanaan hukuman sebat di bawah undang-undang jenayah sivil di seluruh Malaysia tertakluk kepada kaedah-kaedah yang termaktub dalam Kanun Prosedur Jenayah.²² Selain itu Akta Penjara 1995 melalui Peraturan-Peraturan Penjara tahun 2000²³ serta pekeliling-pekeliling daripada Ibu Pejabat Penjara Malaysia juga dirujuk.

Umumnya banduan-banduan yang akan disebat tidak dimaklumkan dan tidak akan diberitahu tentang masa dan tarikh mereka akan dijatuhi hukuman sebatan. Pada hari di mana hukuman itu akan dijalankan banduan yang terlibat akan dibawa ketempat berkenaan. Di sana pegawai-pegawai sebat rotan akan berada dalam satu barisan dan seorang Pegawai Penguasa akan memilih salah seorang daripada mereka untuk menjalankan hukuman sebat pada hari itu. Tindakan sedemikian bertujuan mengelakkan sebarang pakatan serta h=gejala rasuah berlaku antara banduan dengan pegawai sebat rotan.

²² Akta 593.

²³ No. 18 P.U (A) 325.

Hukuman Sebat Menurut Hukum Islam

Hukuman sebat diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan hudud seperti minum arak, berzina dan qazf. Hukuman sebat juga boleh dilaksanakan bagi kesalahan-kesalahan tak'zir sebagaimana yang ditetapkan oleh pemerintah.

Selepas seseorang tertuduh dibuktikan kesalahan mereka melibatkan sebatan, hukuman tersebut perlu dilaksanakan dengan segera. Dalam melaksanakan hukuman itu, Islam memandangkan pada beberapa syarat dalam melaksanakan hukuman sebat. Syarat itu melibatkan keadaan pesalah dari sudut kesihatan, umur, jantina dan lain-lain. Unsur luaran seperti cuaca, alat sebatan dan syarat-syarat tukang sebat juga diambil kira. Di bawah ini akan dibincangkan satu per satu aspek berkenaan. Huraian ini mengambil kira kaedah sebat yang diamalkan pada zaman Rasulullah s.a.w.

Keadaan Kesihatan Pesalah

Hukuman hudud yang pada asalnya perlu disegerakan pelaksanaannya boleh ditangguhkan jika terdapat masalah dari sudut kesihatan pesalah. Jumhur fuqaha' seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam al-Syafi'I berpendapat pesalah hendaklah dalam keadaan fizikal yang sihat semasa hukuman hendak dijalankan ke atasnya. Jika pesalah berada dalam keadaan sakit yang boleh mengancam nyawanya jika hukuman itu diteruskan, hakim hendaklah memerintahkan hukuman itu ditangguhkan untuk sementara waktu sehingga penyakit itu sembuh. Namun peruntukan ini hanya untuk penyakit yang mempunyai harapan untuk sembuh seperti demam, sakit kepala, dan sakit-sakit yang ringan. Pandangan ini berdasarkan tindakan 'Ali yang menundakan pelaksanaan sebat ke atas wanita yang nifas.²⁴ Namun, jika pesalah itu menghadapi penyakit yang tiada harapan untuk sembuh atau merupakan seorang tua yang terlalu uzur, tidak digalakkan untuk menangguhkan hukuman.

Pandangan kedua dikemukakan oleh Abu Bakr, Ishaq dan Abu Thawr, berpendapat sebat mestilah dilaksanakan tanpa ditangguhkan samada pesalah itu sakit tenat atau tidak tanpa sebarang pengecualian. Bagi mereka jika ditangguhkan, pesalah mungkin mati sedangkan hak

²⁴ Ibn Qudamah, al-Mughni wa Yalihi Syarh al-Kabir, jilid 10, Beirut: Dar al-Kitab 'Arabi hal. 131. Lihat juga al-Syarbini al-Khatib (1996), Mughni al-Muhtaj, jilid 4, Beirut: Dar al-Ma'rifah, hal. 201. Lihat juga dalam al-Kasani (1988), Bada'I al-Sana'I, jilid 9, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal. 256.

Allah yang wajib dilaksanakan ke atasnya belum ditunaikan.²⁵ Cara mengenakan hukuman sebat ke atas orang tua yang uzur ialah disebat sekali sahaja dengan menggunakan alat sebatan yang diberkas dengan bilangan yang menyamai hukuman yang diputuskan. Ini berdasarkan tindakan “Umar al-Khattab yang menghukum sebat ke atas Qudamah Ibn Maz’un ketika beliau sakit.

Bahagian sebatan

Menurut mazhab Hanafi, sebatan hendaklah mengenai seluruh anggota pesalah kecuali wajah, kepala, dada, perut dan kemaluan. Ini kerana memukul pada bahagian tersebut boleh memudaratkan pesalah bahkan boleh membunuhnya. Memukul kemaluan boleh menyebabkan maut manakala muka dan kepala merupakan tempat berkumpulnya pancaindera manusia.²⁶ Sayyidina ‘Ali berpesan kepada penyebat:

اضرِبِه وَاَعْطِ كُلَّ عَضْوٍ مِنْهُ حَقَّهُ وَاتَّقِ وَجْهَهُ وَمَذَاكِرَهُ²⁷

Maksudnya: Pukullah dan berikanlah setiap anggota itu haknya, namun elakkan bahagian muka dan kemaluannya.

Menurut Imam Syafi’i pukulan mestilah dikenakan di seluruh anggota badan kecuali muka, kemaluan, rusuk serta tempat-tempat yang ditakuti membawa maut jika dipukul.²⁸ Imam Ahmad pula menghadkan pukulan yang dilarang pada tiga tempat iaitu kepala, muka, dan kemaluan. Pukulan boleh dilebihkan pada tempat-tempat yang banyak daging seperti paha dan punggung.²⁹ Bagi Imam Malik, pesalah hudud hendaklah disebat di belakang pesalah.³⁰

Daripada pendapat-pendapat ini, jelaslah bahawa pukulan sebatan dalam undang-undang Islam bertujuan untuk memberi kesedaran dan rasa serik kepada penjenayah. Kelihatannya para fuqaha’ juga sepakat supaya menghindari pukulan pada tempat-tempat tertentu yang merupakan kawasan sensitif yang boleh memudaratkan. Pukulan di kepala boleh merosakkan akal seseorang, manakala pukulan pada muka boleh menyebabkan kerosakan pada

²⁵ Ibn Rusyd (1997), Bidayah al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid, jilid 2, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hal 640. Lihat juga Ibn Qudamah, op.cit. lihat juga al-Kasani, op cit. lihat juga al-Syarbini, op cit.

²⁶ Al-Kasani (1988), op cit, hal 256. Ibn al-Humam (tanpa tarikh), syarh Fath al-Qadir, jilid 5, Mesir: Maktabah wa Matbu’ah Mustafa al-Halabiyy wa Awladuh, hal 231.

²⁷ Ibn al-Humam, op cit.

²⁸ Al-Syarbini (1996), op cit, hal. 251. Lihat juga dalam al-Syirazi, op cit, hal 346.

²⁹ Ibn Qudamah, op cit, hal. 129.

³⁰ Ibn Rusyd (1997), op cit, hal. 429, al-Dusuqi, Hasyiah al-Dusuqi, jilid 4, hal. 354. Lihat juga Ibn Farhun, Tabsirat al-Hukkam, jilid 2, cetakan 1, Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, hal. 265.

penglihatan dan pendengaran. Pukulan pada kemluhan pula dapat menyebabkan maut. Semua ini bertentangan dengan tujuan yang hendak dicapai oleh syariat daripada hukuman sebat. Hukuman itu bertujuan mendidik dan menginsafkan, bukan mencederakan atau membunuh.

Alat Sebatan

Berdasarkan keterangan daripada al-Sunnah, amalan sebatan yang dipraktikkan Nabi s.a.w dan juga zaman awal Islam, pesalah akan disebat dengan sejenis alat yang dinamakan *al-Sawt* yang diterjemah sebagai cemati. Jumhur fuqaha' menegaskan bahawa jenis alat yang boleh digunakan untuk menyebat pesalah yang melakukan jenayah hudud adalah cemati. Pandangan jumhur ini bersandarkan pada hadis Nabi s.a.w:

(من شرب الخمر فاجلدوه)

Maksudnya: “Apabila di dapati seseorang meminum arak maka hendaklah kamu menyebatnya”³¹

Ibn Qudamah dalam mensyarahkan hadis ini berpendapat disebabkan hadis ini bersifat mutlak tanpa menjelaskan secara spesifik bentuk dan jenis alat sebatan, maka ia perlu dirujuk kepada amalan Nabi s.a.w dan para sahabat baginda, di mana sebatan biasanya menggunakan cemati.

Pandangan ini ditolak oleh Imam Al-Nawawi kerana masih terdapat hadis Sahih yang lain yang menunjukkan bahawa alat selain cemati juga pernah digunakan oleh Rasulullah s.a.w untuk menyebat pesalah bagi kesalahn minum arak.³² Antaranya ialah hadis Anas

عن أنس رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم ضربَ في الخمرِ بالجريدِ والنعالِ، وجلدَ أبو بكرٍ أربعينِ

“Bahawa Rasulullah SAW memukul peminum arak dengan pelepah tamar dan kasut.”³³

Mazhab al-Syafi'i berpendapat hadis berkenaan menunjukkan bahawa dalam kesalahan minum arak, pesalah tidak semestinya disebat dengan cemati. Sebaliknya mereka disebat

³¹ At-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, jilid 4, hal. 48. Lihat juga Sunan Abu Daud, jilid 4, hal. 263-264.

³² Al-Nawawi (1972), Syarh Sahih Muslim, jilid 11. Tempat: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, hal. 218.

³³ Abi Abd Allah Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari (1979), Sahih al-Bukhari, volume viii, Pakistan: Kazi Publication, hal. 506.

menggunakan alat-alat lain seperti hujung kain yang dipintal, sepatu, pelepah tamar yang kering, dan sebagainya. Mereka juga berpendapat tiada pemansuhan terhadap berkenaan maka hukumnya disifatkan sebagai kekal.³⁴ Ibn Qudamah pula berpendapat bahawa Hadis Abu Hurairah itu menjelaskan cara menyebat pesalah minum arak pada peringkat awal hukuman sebat diwajibkan dalam Islam. Manakala selepas itu didapati riwayat menunjukkan bahawa Nabi s.a.w menggunakan cemati untuk menyebat pesalah.

Kekuatan Sebatan

Al-Sabuni telah memetik daripada Imam al-Qurtubi mengenai cara menyebat pesalah iaitu mengenakan satu pukulan yang boleh menyakitkan tetapi tidak sampai mencederakan atau mengoyakkan kulit mereka dan jauh sekali daripada menyebabkan kematian. Lantaran itu, tukang sebat (*jallad*) tidak seharusnya mengangkat tangannya melebihi paras ketiak.³⁵ In berdasarkan pesanan ‘Umar al-khattab kepada tukang sebat :”Sebatlah ia dan jangan diangkat tanganmu sehingga menampakkan ketiak”. Dalam satu kes yang lain, ‘Umar telah menegur seseorang yang menyebat dengan kuat katanya: “Kamu bukan menyebatnya, tetapi kamu membunuhnya”.³⁶

Walaupun mendapat kecaman di peringkat antarabangsa, hukuman sebat secara konvensional masih lagi dilaksanakan di negara kita. Sudah tiba masanya untuk mempertimbangkan peruntukan kesalalahan yang dikenakan hukuman sebatan dan cara pelaksanaan yang patuh Syariah.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

1. **Undang undang Syariah adalah untuk kebaikan semua** manusia Muslim atau Non Muslim kerana ia bertujuan membasmi jenayah dan melindungi negara dari porak peranda dan kehancuran. Pelaksanaannya menjamin keamanan, membawa kerberkatan dan memupuk keharmonian masyarakat. Sebagaimana pihak kerajaan sentiasa mengkaji peruntukan kesalahan dan hukuman yang sepatutnya dari masa ke

³⁴ Al-Syarbini (1997), op cit, hal 284. Lihat juga dalam al-Ramly (tanpa tarikh), Nihayat al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj, jilid 8. Mesir: Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy, hal. 15.

³⁵ Muhammad ‘Ali al-Sabuni (1997), Rawai al-Bayan fi Tafsir Ayat al-Ahkam, jilid 2, Damsyiq: Maktabah al-Ghazali, hal. 34.

³⁶ Ibn Qudamah, op cit, hal. 129. Lihat juga al-Syarbini, op cit, hal. 250.

semasa, maka amatlah perlu dikaji secara mendalam untuk memartabakan undang undang jenayah Shariah.

2. **Jenis Salah Laku Jenayah.** Kebanyakan peruntukan kesalahan jenayah sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Kanun Keseksaan juga dianggap jenayah menurut Shariah seperti membunuh, merompak, mencuri, mencederakan seseorang dan lain lain lagi. Dengan itu, sesetengah peruntukan tidak bercanggah dengan Shariah seperti hukuman mati ke atas pembunuh, tetapi tidak menepati Shariah dari segi:

- a. **Hak mangsa waris** dalam membuat pilihan diyyah atau bunuh balas. Hukuman mati ke atas pengedar dadah juga dilaksanakan di banyak negara termasuk Arab Saudi. Pelaksanaan hukuman Kesalahan jenayah bagi menyebabkan kecederaan juga tidak menepati Shariah kerana mangsa tidak diberi pilihan untuk meminta bayaran gantirugi atau dijatuhkan hukuman yang sama.
- b. **Pelaksanaan Hukuman.** Pelaksanaan hukuman mestilah dilakukan di khalayak ramai sebagaimana firman Allah. Di samping itu, hanya satu cara pelaksanaan hukuman mati sahaja dilakukan iaitu hukuman gantung. Sedangkan menurut Shariah, hukuman pancung dan rejam juga adalah cara yang pelaksanaan hukuman.

3. **Sesetengah kesalahan jenayah Shariah tidak dianggap jenayah menurut Kanun Keseksaan.** Di antara kekurangan Kanun Keseksaan ialah tidak menganggap beberapa kesalahan jenayah sebagai jenayah contohnya beberapa kesalahan seks seperti zina dan musahaqah. Liwat pula dikenakan ke atas peliwat sahaja, sedangkan sekiranya ia dilakukan sesama suka maka kedua kedua yang terlibat perlu dihukum.

4. **Pembuktian.** Tidak ada banyak perbezaan bagi pembuktian menurut undang undang jenayah Islam dan konvensional. Cuma bagi kesalahan zina, beban bukti adalah lebih ketat, iaitu 4 orang saksi yang adil.

5. **Hukuman.** Sesetengah hukuman seperti hukuman mati dengan tali gantung mungkin boleh dipertimbangkan walaupun sebaiknya dilakukan dengan pedang. Hukuman sebat menurut Shariah agak jauh lebih ringan berbanding dengan konvensional. Hukuman potong tangan pencuri dan potong tangan dan kaki perompak bersenjata adalah lebih tegas untuk mencegah jenayah.

6. **Gantirugi.** Undang undang jenayah Islam banyak menekankan pampasan samada diyyah atau *arsh*. Dalam peruntukan undang undang, perlu ditekankan aspek bayaran pampasan/ganti rugi kepada mangsa jenayah. Undang undang konvensional yang ada sekarang tidak mengambil berat hak pampasan kepada mangsa jenayah. Penambahbaikan pada menyediakan ganti rugi atau pampasan kepada mangsa perlu ditekankan. Ini juga selari dengan saranan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu.³⁷

7. **Bidang Kuasa Mahkamah:** Pelaksanaan Syariah tidak terhad kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah, bahkan perlu kepada penstrukturan semula sistem kehakiman. Ini boleh dilakukan dengan memperksakan mahkamah Syariah atau menggabungkan kedua-dua Mahkamah Syariah dan sivil. Dengan itu alasan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terhad bukan lagi alasan yang boleh diterima. Ia boleh berlaku dan boleh dicapai sekiranya pihak kerajaan bersungguh sungguh untuk melaksanakan undang undang jenayah Syariah.

Buat masa sekarang, oleh kerana Mahkamah Syariah hanya boleh membicarakan dan menghukum orang Islam sahaja, maka perlu ditekankan pelaksanaannya kepada orang Islam dahulu.

Penambahbaikan juga perlu dibuat ke atas Kanun Keseksaan yang diamalkan di Malaysia supaya menepati Syariah. Dengan itu perlu hukuman sebat yang menepati tuntutan Syariah perlu diperkenalkan dan dilaksanakan.

Sesetengah kesalahan seperti penyalahgunaan pengambilan dadah³⁸, ubat batuk, pil kuda, dan lain lain perlu dianggap sebagai kesalahan jenayah dan mereka yang bersalah perlu dihukum dengan setimpal samada di bawah hudud atau ta'zir. Kesalahan ta'zir juga boleh dikenakan ke atas kesalahan kesalah seperti menagnjurkan perjudian, menawarkan pinjaman berfaedah, menganjurkan skim cepat kaya, mendedahkan aurat dll.

Rujukan

³⁷ Resolution A/res.40/34 29 November 1985 the UN General Assembly demands that all member countries actively carryout the principles of the "Declaration of the Fundamental Principles of Justice for the Victims of Crime and power abuse".

³⁸ Azman Mohd Noor. "Penyalahgunaan Dadah dan Kewajaran Peruntukan Hukuman Berat ke Atas Penagih dan Penedar Dadah di Malaysia Menurut Perspektif Syariah. Jurnal PEMADAM, 2011.

Abbud al-Shal'aji, *Mausu'at al-'Azab*. Dar al-Arabiyyah li al-Mausuat. Beirut Lubnan.

Abi Abd Allah Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari (1979), *Sahih al-Bukhari*, Pakistan: Kazi Publication.

Abdul-Qadir 'Audah, *al-Tasyri'al-Jina'i*.

Azman Mohd Noor (2010), "Rape: A Problem of Crime Classification in Islamic Law", *Arab Law Quarterly*.

Azman Mohd Noor (2011), "A Victim's Claim of Being Raped is Neither a Confession to Zina nor Committing Qadhf (Making False Accusation of zina)" in *Muslim World Journal of Human Rights*. Berkeley Electronic Press.

Azman Mohd Noor (2008), "The rights of Rape Victim in Islamic Law", *IJUM Law Journal*, International Islamic University Malaysia.

Azman Mohd Noor (2008), "Prosecution of Rape with a Special Reference to Pakistan Hudood Laws." *IJUM Law Journal*, International Islamic University Malaysia. vol.16, No.2, 2008.

Azman Mohd Noor (2009), "Punishment for Rape in Islamic Law", *Malayan Law Journal*, Lexis Nexis.

Azman Mohd Noor (2011), "Penyalahgunaan Dadah dan Kewajaran Peruntukan Hukuman Berat ke Atas Penagih dan Pengedar Dadah di Malaysia Menurut Perspektif Syariah. *Jurnal PEMADAM*.

Azman Mohd Noor (2008), "Hukuman Mati Mandatori: Satu Analisis menurut Pengalaman undang-undang Malaysia dan Syariah" *Malaysian Journal of Law and Society*, University Kebangsaan Malaysia.

Azman Mohd Noor (2008), "Interpreting and Understanding the Command of God: A Review on the Authority of Sunnah in the case of Stoning to Death for a Convicted Adulterer." *Journal of Shariah*, University Malaya.

Azman Mohd Noor (2010), "Stoning for Adultery in Christianity and Islam and its implementation in contemporary Muslim societies." *Intellectual Discourse*, International Islamic University Malaysia.

Haji Said, *Kanun Jenayah Syar'iyah*.

Muhammad Salem El-Awa (1982), *Punishment in Islamic Law*, Indianapolis, American Trust Publication, 1982.

Ibn Farhun, *Tabsirat al-Hukkam*, cetakan 1, Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah
Ibn Taimiyyah, *Majmu' Fatawa*.

Ibn Qudamah, *al-Mughni wa Yalihi Syarh al-Kabir*, Beirut: Dar al-Kitab 'Arabi.

Ibn Rusyd (1997), *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*, Beirut: Dar al-Kutub al-
'Ilmiyyah.

Ibn al-Humam (tanpa tarikh), *syarh Fath al-Qadir*, Mesir: Maktabah wa Matbu'ah Mustafa
al-Halabiyy wa Awladuh.

Muhammad Abu Zahrah, *Al-Uqubah*, Dar al-Fikr Al-Arabi.

Muhammad 'Ali al-Sabuni (1997), *Rawai al-Bayan fi Tafsir Ayat al-Ahkam*, Damsyiq:
Maktabah al-Ghazali.

Prof. Madya Hashim Mehat, *Seminar Undang-Undang dan Masyarakat, Undang-Undang
Jenayah Satu Penilaian Dalam Hukuman Utama*.

al-Ramly (tanpa tarikh), *Nihayat al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*, Mesir: Mustafa al-Babiyy al-
Halabiyy.

al-Syarbini al-Khatib (1996), *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.

al-Kasani (1988), *Bada'l al-Sana'l*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Ghamidi, *'Uqubat al-'Idam*.

al-Dusuqi, *Hasyiah al-Dusuqi*.

Al-Nawawi (1972), *Syarh Sahih Muslim*, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

At-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*.

Abu Daud, *Sunan Abu Daud*.

Yaacob, Mazlah (2004) *Hukuman sebat : kajian dari perspektif hukum Islam dan undang-undang jenayah di Malaysia* Mazlah Yaacob. Masters thesis, University of Malaya.

<http://www.sinarharian.com.my/semasa/kesalahan-rogol-akan-dipenjara-hingga-30-tahun-1.205650> .Dilawati pada 140414

<http://www.sinarharian.com.my/nasional/malaysia-kaji-mansuh-hukuman-sebat-pati-1.48911>. Lihat juga <http://www.rnw.nl/international-justice/article/amnesty-condemning-epidemic-malaysia>.Dilawati pada 160414.